

# Kertas Bil. 18/2015



**MAKLUM BALAS PENYATA YANG TELAH  
DIBENTANGKAN SEMASA MESYUARAT  
KETIGA PENGGAL KEDUA  
DEWAN NEGERI SELANGOR  
YANG KETIGA BELAS  
PADA 24 - 28 NOVEMBER DAN  
1 - 5 DISEMBER 2014**

---

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PEMBASMIAN  
KEMISKINAN (JPK-PEMBASMIAN KEMISKINAN) BAGI DEWAN  
NEGERI SELANGOR BERKENAAN PROGRAM PEMBERIAN BAUCAR  
PERAYAAN JOM SHOPPING  
KERTAS BILANGAN 38/2014**

---



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PEMBASMIAN KEMISKINAN BERKENAAN  
PEMBERIAN BAUCER PERAYAAN 'JOM SHOPPING'**

BIL.	TAJUK PENYATA	SARANAN	JAWAPAN		ULASAN
			SETUJU	TIDAK SETUJU	
3.	<b>PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI PEMBASMIAN KEMISKINAN BERKENAAN PEMBERIAN BAUCER PERAYAAN 'JOM SHOPPING'</b>	1. Kerajaan Negeri hendaklah memberi tumpuan kepada satu program teras dalam membantu membasmi kemiskinan seperti melancarkan satu program pembasmian kemiskinan yang bersifat kekal dan bukannya bermusim supaya dapat memberikan kesan langsung kepada perangsang kesejahteraan dan memupuk semangat pemerkasaan.	✓		<p>Strategi utama pembasmian kemiskinan di bawah Jawatankuasa Tetap Kemiskinan memfokuskan kepada program-program ke arah mentransformasikan masyarakat miskin tegar dan miskin kepada masyarakat yang berupaya menjaga pendapatan yang mencukupi bagi menanggung kos hidup serta seterusnya berupaya membebaskan diri daripada belunggu kemiskinan. Tiga (3) program teras pembasmian kemiskinan di bawah Jawatankuasa Tetap Kemiskinan adalah seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Program yang berupaya menjaga dan meningkatkan pendapatan;</li> <li>ii. Program yang menyediakan peluang untuk melanjutkan pengajian melalui penajaan pendidikan/ latihan; dan</li> <li>iii. Program yang berupaya membantu meringankan beban rakyat susulan kenaikan kos taraf hidup.</li> </ul>

BIL.	TAJUK PENYATA	SARANAN	JAWAPAN		ULASAN
			SETUJU	TIDAK SETUJU	
					<p>Pelbagai rancangan dan program yang disediakan oleh Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Tetap Kemiskinan dalam menangani dan membasmi kemiskinan di samping meningkatkan taraf hidup bagi golongan berpendapatan rendah. Selain daripada program-program bantuan bersifat bermusim seperti Program Pemberian Baucer sempena Perayaan dan Program <i>Back to School</i>, terdapat juga program-program pembasmian kemiskinan yang bersifat kekal dan bukannya bermusim di bawah Jawatankuasa Tetap Kemiskinan. Antaranya adalah seperti Program <i>Blueprint</i> Pembasmian Kemiskinan dan Program Tajaan Kemahiran Teknikal melalui <i>INPENS International College</i>.</p> <p>i. <u>Program <i>Blueprint</i> Pembasmian Kemiskinan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Merupakan salah satu usaha Kerajaan Negeri Selangor untuk meningkatkan taraf ekonomi bagi golongan masyarakat individu yang berpendapatan di bawah</li> </ul>

BIL.	TAJUK PENYATA	SARANAN	JAWAPAN		ULASAN
			SETUJU	TIDAK SETUJU	
					<p>RM1,500.00 sebulan atau pendapatan seisi rumah di bawah RM3,000.00 terutamanya melibatkan peniaga-peniaga kecil menerusi pemberian bantuan peralatan/ mesin berdasarkan perusahaan yang sedang dijalankan bagi membantu menjana serta meningkatkan pendapatan keluarga. Antara lima (5) skop utama perusahaan adalah seperti jahitan, perniagaan makanan, perniagaan runcit, pengasuh kanak-kanak dan kraftangan.</p> <p>ii. <u>Program Tajaan Kemahiran Teknikal melalui <i>INPENS International College</i></u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Merupakan salah satu usaha Kerajaan Negeri Selangor dalam membantu keluarga berpendapatan rendah bagi meringankan beban kos sara hidup yang semakin meningkat melalui penajaan pendidikan. Ianya bertujuan untuk memberi peluang kepada golongan generasi muda daripada golongan keluarga yang</li> </ul>

BIL.	TAJUK PENYATA	SARANAN	JAWAPAN		ULASAN
			SETUJU	TIDAK SETUJU	
					<p>berpendapatan rendah melanjutkan pengajian di dalam Sijil Kemahiran Malaysia (SKM). Ini secara tidak langsung berupaya memudahkan peluang kepada mereka untuk bersaing mendapatkan pekerjaan. Program ini dilaksanakan dengan memberikan penajaan kos yuran kepada pelajar-pelajar INPENS <i>International College</i> daripada keluarga yang berpendapatan seisi rumah sebulan sebanyak RM3,000.00 dan ke bawah.</p> <p>Kerajaan Negeri amat prihatin dalam meringankan beban rakyat terutamanya yang melibatkan golongan berpendapatan rendah. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Tetap Kemiskinan bersetuju dengan cadangan/ syor supaya tumpuan diberikan kepada satu program teras yang bersifat kekal dan bukannya bermusim. Jawatankuasa Tetap Kemiskinan akan membuat kajian secara menyeluruh bagi menambahbaik perancangan dasar dan program-program pembasmian kemiskinan sedia ada dari</p>

BIL.	TAJUK PENYATA	SARANAN	JAWAPAN		ULASAN
			SETUJU	TIDAK SETUJU	
					<p>semasa ke semasa dengan mempelbagai dan memperluaskan skop bantuan dalam memastikan golongan yang benar-benar memerlukan bantuan dapat dibantu serta seterusnya berupaya menghasilkan impak positif kepada rakyat Negeri Selangor secara berterusan.</p>
		<p>2. Kerajaan Negeri harus menyediakan bajet yang besar dan kekal mengikut keperluan kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN).</p>	✓		<p>Sebagai makluman, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 5/2015 bertarikh 4 Februari 2015 yang lalu telah meluluskan pelaksanaan Kajian Kadar Kemiskinan Mengikut Daerah dan Kaum serta Penetapan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) bagi Negeri Selangor serta melantik terus Universiti Selangor (UNISEL) dan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) sebagai perunding kajian dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM438,600.00.</p> <p>Kajian ini dilihat berupaya membolehkan Kerajaan Negeri untuk mengenalpasti dan merangka dasar baru, program dan bajet yang lebih komprehensif untuk membasmi kemiskinan secara efektif, mengenalpasti jumlah sebenar penduduk miskin serta</p>

BIL.	TAJUK PENYATA	SARANAN	JAWAPAN		ULASAN
			SETUJU	TIDAK SETUJU	
					<p>memastikan bantuan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri adalah tepat kepada golongan sasaran yang benar-benar memerlukan.</p> <p>Bagi tahun 2012 hingga 2014, jumlah peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi Program Pemberian Baucer sempena Perayaan di bawah Jawatankuasa Tetap Kemiskinan adalah sebanyak RM16,278,000.00. Manakala jumlah keseluruhan perbelanjaan adalah sebanyak RM15,831,600.00.</p> <p>Jawatankuasa Tetap Kemiskinan mengambil maklum dan bersetuju dengan cadangan/ syor supaya peruntukan yang besar dan kekal mengikut keperluan DUN disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk Program Pemberian Baucer sempena Perayaan ini. Namun begitu, ketetapan peruntukan program ini adalah tertakluk kepada peruntukan tahunan semasa Kerajaan Negeri. Manakala peruntukan mengikut DUN pula adalah bergantung kepada anggaran jumlah pengundi kaum berkenaan mengikut daftar pilihan, serta</p>

BIL.	TAJUK PENYATA	SARANAN	JAWAPAN		ULASAN
			SETUJU	TIDAK SETUJU	
					<p>tertakluk kepada kelulusan MMKN. Jawatankuasa Tetap Kemiskinan juga berpandangan bahawa peruntukan ini perlu dikawal dan dipantau agar ianya digunakan sebaik mungkin dan tidak berlebihan bagi mengurangkan aras kebergantungan rakyat Selangor terhadap bantuan yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor.</p>
		<p>3. Kerajaan Negeri hendaklah mewujudkan satu pangkalan data yang bersepadu dan dapat dikongsikan bersama agensi Kerajaan Negeri yang terlibat dalam membasmi kemiskinan.</p>	✓		<p>Selaras dengan dasar Kerajaan Negeri "Dari kebajikan kepada berdaya" (<i>Welfare to workfare</i>), Kerajaan Negeri telah membangunkan satu sistem yang dikenali sebagai <i>iWorkfare</i>. Sistem <i>iWorkfare</i> merupakan satu pangkalan data bersepadu yang mengintegrasikan data-data penerima-penerima bantuan bagi program-program bantuan di bawah seliaan pelbagai agensi di Negeri Selangor.</p> <p>Di antara objektif utama pembangunan sistem <i>iWorkfare</i> adalah untuk mengurangkan aras kebergantungan rakyat Selangor terhadap inisiatif kebajikan yang telah diberikan oleh</p>

BIL.	TAJUK PENYATA	SARANAN	JAWAPAN		ULASAN
			SETUJU	TIDAK SETUJU	
					<p>Kerajaan Negeri Selangor, menyelaraskan dan menyeragamkan proses pemberian bantuan kebajikan oleh Kerajaan Negeri Selangor serta menyediakan satu sistem yang berupaya merekod, memproses dan memantau segala bantuan kebajikan yang diberikan dengan tepat, cekap, berkesan dan menepati masa yang ditetapkan.</p> <p>Melalui pangkalan data tersebut, Kerajaan Negeri berupaya memantau pergerakan bantuan kebajikan kepada rakyat di Selangor supaya tiada pertindanan bantuan berlaku dan bantuan hanya diberikan kepada mereka yang benar-benar memerlukan. Di samping itu, Kerajaan Negeri juga dapat merancang dan melaksana pemberian bantuan dengan lebih teratur, cekap dan berkesan.</p> <p>Manakala, di bawah Jawatankuasa Tetap Kemiskinan pula, satu Sistem Informasi Kesejahteraan Rakyat Majmuk Selangor (IKRAMS) sedang dibangunkan. Ini adalah berdasarkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 5/2015 bertarikh 4 Februari 2015 yang meluluskan</p>

BIL.	TAJUK PENYATA	SARANAN	JAWAPAN		ULASAN
			SETUJU	TIDAK SETUJU	
					<p>pelaksanaan Kajian Kadar Kemiskinan Mengikut Daerah dan Kaum serta Penetapan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) bagi Negeri Selangor.</p> <p>Berbeza dengan sistem <i>iWorkfare</i> yang mengandungi data/ maklumat penerima bantuan sahaja, sistem IKRAMS merupakan satu pangkalan data yang lengkap dan holistik isi rumah Negeri Selangor yang berpendapatan di bawah PGK yang akan ditetapkan. Data yang dikumpul menerusi kajian ini adalah merangkumi semua informasi mengenai setiap isi rumah yang dikategorikan sebagai miskin. Ini merangkumi semua maklumat termasuk demografi, latar belakang, punca pendapatan, perbelanjaan, kos hidup, kesihatan, keperluan khas dan berkaitan Orang Kelainan Upaya (OKU), masalah asas yang dihadapi serta bantuan yang telah diperolehi serta bantuan yang diperlukan untuk setiap daerah.</p>

BIL.	TAJUK PENYATA	SARANAN	JAWAPAN		ULASAN
			SETUJU	TIDAK SETUJU	
					<p>Sistem IKRAMS ini juga dilihat berupaya mengenalpasti bilangan sebenar rakyat miskin yang benar-benar memerlukan bantuan, bilangan penduduk miskin yang telah menerima bantuan, bilangan penduduk miskin yang belum menerima bantuan, bilangan penduduk miskin wanita dan OKU serta lain-lain maklumat berkaitan berdasarkan data-data yang dikemaskini. Secara tidak langsung, ianya juga akan berperanan sebagai pusat rujukan/ maklumat utama kepada semua Jabatan/Agensi di bawah Kerajaan Negeri Selangor mengenai kadar kemiskinan di Negeri Selangor. Sistem ini akan diselenggara oleh UNISEL sepanjang tempoh kajian dan akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri selepas tamat tempoh kajian.</p>
		<p>4. Kerajaan Negeri hendaklah melaksanakan bancian penduduk miskin di negeri Selangor supaya satu sistem rekod yang tepat dapat digunakan untuk mencapai matlamat</p>	✓		<p>Bagi mencapai matlamat membasmi kemiskinan di Negeri Selangor sehingga ke akar umbi, satu kaedah pengukuran terhadap kadar kemiskinan perlu diwujudkan. Di samping itu, Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) bagi Negeri Selangor yang terkini juga . perlu</p>

BIL.	TAJUK PENYATA	SARANAN	JAWAPAN		ULASAN
			SETUJU	TIDAK SETUJU	
		<p>program pembasmian kemiskinan.</p>			<p>dimuktamadkan berikutan peningkatan taraf hidup dan ekonomi semasa yang tidak menentu.</p> <p>Justeru itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 5/2015 bertarikh 4 Februari 2015 yang lalu telah meluluskan pelaksanaan Kajian Kadar Kemiskinan Mengikut Daerah dan Kaum serta Penetapan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) bagi Negeri Selangor serta melantik terus Universiti Selangor (UNISEL) dan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) sebagai perunding kajian dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM438,600.00.</p> <p>Secara ringkasnya, objektif utama kajian ini adalah untuk:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengenalpasti perangkaan umum berkaitan kemiskinan bagi penduduk berdasarkan daerah dan kaum di Negeri Selangor;</li> <li>ii. Menganalisis Penetapan Garis Kemiskinan</li> </ul>

BIL.	TAJUK PENYATA	SARANAN	JAWAPAN		ULASAN
			SETUJU	TIDAK SETUJU	
					<p>(PGK) Negeri Selangor melalui justifikasi pengiraan dan pembinaan indeks kemiskinan; dan</p> <p>iii. Mewujudkan dan membangunkan Sistem Maklumat yang dinamakan Informasi Kesejahteraan Rakyat Majmuk Selangor (IKRAMS) yang mengandungi data lengkap dan holistik isi rumah Selangor yang berpendapatan di bawah PGK yang akan ditetapkan.</p> <p>Kajian ini dibahagikan kepada dua kawasan iaitu di kawasan bandar (<i>urban</i>) dan di luar bandar (<i>rural</i>). UNISEL akan memberi tumpuan kepada enam (6) daerah yang diklasifikasikan sebagai luar bandar manakala UTAR akan memberi penekanan kepada kajian di tiga (3) daerah yang diklasifikasikan sebagai kawasan bandar.</p> <p>Secara ringkasnya, kajian ini menggunakan rekabentuk <i>Mixed-Methods</i>, <i>Sequential Explanatory Strategy</i> dan <i>Sequential Exploratory Design</i> melalui</p>

BIL.	TAJUK PENYATA	SARANAN	JAWAPAN		ULASAN
			SETUJU	TIDAK SETUJU	
					<p>empat (4) kaedah pengumpulan data secara kuantitatif dan kualitatif seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Kaedah Temubual (<i>Interview</i>);</li> <li>▪ Kaedah (Questionnaire); Soal-selidik</li> <li>▪ Kaedah Pemerhatian Ikut-serta (<i>Participant-Observation</i>); dan</li> <li>▪ Kajian Kes (<i>Case Study</i>).</li> </ul> <p>Bagi kaedah pengumpulan data secara soal selidik, pemilihan sampel pula dibuat secara <i>Disproportionate Stratified Sampling, Stratified Random Sampling</i> dan <i>Random/ Probability Sampling</i>. Kajian ini akan membuat bincian pendapatan dan kos sara hidup serta memberi jawapan holistik dan inklusif dalam tempoh maksima dua belas (12) bulan, Mac 2015 hingga Februari 2016 mengenai bincian pendapatan dan kos sara hidup di kalangan isi rumah Selangor.</p> <p>Di samping itu, satu Sistem Informasi Kesejahteraan Rakyat Majmuk Selangor (IKRAMS) juga akan dibangunkan melalui</p>

BIL.	TAJUK PENYATA	SARANAN	JAWAPAN		ULASAN
			SETUJU	TIDAK SETUJU	
					<p>kajian ini yang mana merupakan satu pangkalan data yang lengkap dan holistik isi rumah Negeri Selangor secara tidak langsung akan berperanan sebagai pusat rujukan/ maklumat utama kepada semua Jabatan/ Agensi di bawah Kerajaan Negeri Selangor mengenai kadar kemiskinan di Negeri Selangor. Indeks PGK Negeri Selangor juga akan dibangunkan hasil daripada pembangunan Model Pengiraan PGK dan analisis perbandingan Model Pengiraan PGK.</p> <p>Pasukan penyelidik adalah terdiri daripada gabungan sebelas (11) orang pengkaji dari UNISEL dan UTAR yang terdiri dari mereka yang mempunyai latar belakang kajian dan kepakaran yang pelbagai.</p> <p>Pihak perunding yang dilantik iaitu UNISEL dan UTAR perlu menyediakan dan mengemukakan laporan-laporan berkala mengikut jadual berikut:-</p>

BIL.	TAJUK PENYATA	SARANAN	JAWAPAN		ULASAN															
			SETUJU	TIDAK SETUJU																
					<table border="1"> <thead> <tr> <th>BIL.</th> <th>PERINGKAT KEMAJUAN KERJA</th> <th>BULAN</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Penghantaran Laporan Awal (<i>Inception</i>)</td> <td>April 2015</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Penghantaran Laporan Kemajuan (<i>Interim</i>)</td> <td>Julai 2015</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>Penghantaran Draf Laporan Akhir</td> <td>Januari 2016</td> </tr> <tr> <td>4.</td> <td>Penghantaran Laporan Akhir</td> <td>Februari 2016</td> </tr> </tbody> </table>	BIL.	PERINGKAT KEMAJUAN KERJA	BULAN	1.	Penghantaran Laporan Awal ( <i>Inception</i> )	April 2015	2.	Penghantaran Laporan Kemajuan ( <i>Interim</i> )	Julai 2015	3.	Penghantaran Draf Laporan Akhir	Januari 2016	4.	Penghantaran Laporan Akhir	Februari 2016
BIL.	PERINGKAT KEMAJUAN KERJA	BULAN																		
1.	Penghantaran Laporan Awal ( <i>Inception</i> )	April 2015																		
2.	Penghantaran Laporan Kemajuan ( <i>Interim</i> )	Julai 2015																		
3.	Penghantaran Draf Laporan Akhir	Januari 2016																		
4.	Penghantaran Laporan Akhir	Februari 2016																		
					<p>Kajian ini didapati sangat relevan bagi menjadi sumber rujukan utama yang penting dalam membolehkan serta memudahkan Kerajaan Negeri untuk mengenalpasti, merangka serta menentukan hala tuju, strategi, dasar baru dan bajet yang lebih komprehensif bagi membasmi kemiskinan secara total dan efektif. Ianya juga berupaya memastikan bantuan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri adalah tepat kepada golongan</p>															

BIL.	TAJUK PENYATA	SARANAN	JAWAPAN		ULASAN
			SETUJU	TIDAK SETUJU	
					<p>sasar yang benar-benar memerlukan. Selain itu, kajian ini dilihat membolehkan golongan sasaran terus mendapat manfaat serta memastikan peluang ekonomi secara saksama tanpa mengira etnik dan latar belakang ke arah membentuk masyarakat yang lebih makmur dan berdaya maju.</p>